

Nama Murid: _____

Kelas: _____

BAHASA MELAYU - PEMAHAMAN

011

Bahagian B

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak yang disediakan.
2. Jawapan kamu hendaklah pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
3. Serahkan Bahagian B ini bersama-sama kertas jawapan objektif kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa:			
Nombor Soalan		Markah Penuh	Markah Diperoleh
21	(a)	6	
	(b)		
22	(a)	4	
	(d)		
23	(a)	7	
	(b)		
	(c)		
24	(a)	3	
	(b)	6	
25	(a)	4	
	(b)		
Jumlah		30	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 7 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahagian B
[30 markah]

Soalan 21

- (a) Pilih **perkataan antonim** yang paling sesuai bagi perkataan bergaris. Tulis jawapan kamu pada ruang yang disediakan.

tenat	diabaikan	membasmi
tegak	diteruskan	membantah

Contoh:

Semua ahli jawatankuasa koperasi menyokong usul yang dibawa dalam mesyuarat itu.

membantah

- (i) Pokok mangga harum manis di halaman rumah Encik Alias itu condong kerana dilanggar traktor.
- (ii) Kerja-kerja menurap jalan raya di Kampung Sungai Lampam itu terpaksa ditangguhkan kerana musim tengkujuh.
- (iii) Semenjak Pak Hanif dimasukkan ke Hospital Daerah Teluk Intan, penyakit asma yang dihidapinya semakin sembuh.

[3 markah]

- (b) Tulis **BETUL** atau **SALAH** pada ruang yang disediakan bagi penggunaan perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah.

- (i) Puan Nur Adila menghidangi mi goreng udang kepada tetamunya pada petang itu.
- (ii) Parti pembangkang mencuba menjatuhi kerajaan yang memerintah dengan undian tidak percaya.
- (iii) Murid-murid sekolah itu membarisi jalan untuk melihat perarakan membawa obor Sukan Komanwel 2021.

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Soalan 22

- (a) Pilih **simpulan bahasa** yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

alas perut	buah mulut	buah tangan	khobar angin
------------	------------	-------------	--------------

- (i) Berita tentang fenomena gerhana matahari itu telah menjadi _____ guru-guru dan murid-murid di sekolah itu.
- (ii) Encik Rahim makan dua keping roti yang disapu margerin dan secawan kopi susu sebagai _____ sebelum pergi ke pejabat.

[2 markah]

- (b) Pilih dan tandakan ☒ bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

- (i) **“Tolong hidangkan juadah minum petang di atas meja makan itu,” kata Maria kepada adiknya.**

Maria membantu adiknya menghidangkan juadah minum petang di atas meja makan itu.	☐
Maria meminta adiknya supaya menghidangkan juadah minum petang itu di atas meja makan.	☐

- (ii) **“Azida, marilah ikut kakak pergi ke rumah Mak Long Ani kerana kakak hendak menempah baju kurung,” ajak kakak Azima.**

Kakak Azima menyuruh Azida pergi ke rumah Mak Long Ani kerana dia hendak menempah baju kurung.	☐
Kakak Azima mengajak Azida pergi ke rumah Mak Long Ani kerana dia hendak menempah baju kurung.	☐

[2 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 23

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kunyit hitam dikaitkan serta dipercayai dalam ikhtiar perubatan atau pencegahan kanser usus, tenaga batin, masalah osteoarthritis, penurunan paras kolesterol, kesihatan sistem pencernaan, masalah asma, kesihatan jantung, anti penuaan, jerawat, ruam dan masalah kulit gatal.

Kunyit hitam sejenis kunyit yang sangat jarang ditemui, amat unik dan sukar diperoleh. Berdasarkan kajian, kunyit hitam banyak sekali khasiat perubatan dan kandungan perubatannya yang tidak ditemui di dalam herba lain.

Kandungan karkumin dalam kunyit hitam ini sangat baik sebagai bahan anti-radang atau anti-inflamasi bagi penyakit biasa dan kronik. Ada banyak kunyit yang hampir sama dengan kunyit hitam asli, termasuk dari segi rupa daun. Malah, ubi atau rizom walaupun berwarna hitam atau ungu tidak semestinya pokok tersebut pokok kunyit hitam asli.

Hati-hati, terutama jika pokok berkenaan dijual pada harga murah kerana kunyit hitam asli sangat jarang ditemui dan sukar pula diperoleh. Kunyit hitam asli berwarna ungu hitam dan kepekatan warnanya bergantung kepada tanah dan baja yang digunakan.

(a) Apakah kebaikan karkumin dalam kunyit hitam kepada kesihatan diri seseorang?

[2 markah]

(b) Tandakan ☒ pada pernyataan yang betul, tandakan ☐ pada pernyataan yang salah.

Kunyit hitam dipercayai boleh merawat pelbagai jenis penyakit seperti sakit kulit, lelah dan kanser jantung.	☐
Kepekatan warna kunyit hitam asli bergantung kepada tanah dan baja yang digunakan oleh pengusaha tanaman herba tersebut.	☐

[2 markah]

(c) Pada pendapat kamu, mengapakah kunyit hitam asli ini perlu ditanam secara meluas?

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 24(a)

Teliti iklan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**PERTANDINGAN TAMAN MINI HERBA
(ANTARA PERSATUAN DAN KELAB)
SK TAMAN SRI MUDA, SEKSYEN 25, SHAH ALAM**

Tarikh : 28 Oktober 2020
Hari : Rabu
Masa : 8.30 pagi
Tempat : Dewan Pendeta Zaaba
SK Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam

Syarat-syarat pertandingan:

- Terbuka kepada murid-murid tahap dua (kategori tahun 4, 5 dan 6) sahaja.
- Penyertaan secara berkumpulan - 10 hingga 15 orang setiap kumpulan.
- **Sembilan Hadiah Utama** - (RM250.00), (RM150.00) dan, (RM100.00)
Wang tunai untuk **tiga pemenang** bagi setiap kategori dan sijil penghargaan.
Semua kumpulan yang bertanding akan menerima sijil penyertaan.

Taklimat pertandingan akan diadakan pada:

Tarikh : 14 Oktober 2020
Hari : Rabu
Masa : 8:15 pagi
Tempat : Dewan Pendeta Zaaba

- (i) Siapakah yang layak menyertai Pertandingan Taman Mini Herba yang dianjurkan itu?

[1 markah]

- (ii) Persatuan Bahasa Melayu telah dinobatkan sebagai johan dalam Pertandingan Taman Mini Herba yang diadakan itu.

Persatuan Bahasa Melayu terdiri daripada sepuluh orang ahli. Apakah hadiah yang layak diterima oleh setiap orang ahli persatuan tersebut?

[2 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 24(b)

Teliti catatan aktiviti di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**AKTIVITI MURID TAHUN ENAM SELEPAS UPSR
SK TAMAN SRI MUDA, SEKSYEN 25, SHAH ALAM**

Tugasan yang perlu dilaksanakan:

1 Berniaga barang-barang terpakai untuk menambah wang tabungan kelas.

1.1 - Pakaian lelaki atau perempuan

1.2 - Buku akademik terpakai

1.3 - Buku cerita atau majalah

Maklumat aktiviti amal atau program jualan barang-barang terpakai:

Hari : Setiap hari pesekolahan sepanjang bulan Oktober 2020

Masa : 1:00 petang hingga 2:00 petang

Lokasi : Dataran Arena SK Taman Sri Muda, Shah Alam

(i) Di manakah aktiviti jualan barang-barang terpakai tersebut diadakan?

1 markah]

(ii) Nyatakan **dua** barang terpakai lain yang boleh dijual oleh murid-murid tahun enam.

[2 markah]

(iii) Pada pendapat kamu, apakah faedah-faedah menyertai aktiviti amal yang dinyatakan dalam iklan dan catatan di atas?


Jawapan kamu hendaklah dalam ayat yang lengkap.

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 25

Teliti gambar di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.



- (a) Berdasarkan gambar, nyatakan **dua** aktiviti yang sedang dilakukan oleh beberapa orang ahli keluarga semasa berpindah ke rumah baharu.

Contoh: memikul kotak

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

- (b) Nyatakan **satu** peribahasa yang sesuai berdasarkan situasi dalam gambar di atas.

[2 markah]

BAHAGIAN B TAMAT

[Lihat halaman sebelah
SULIT